

14.1.2019

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow  
Ketua Menteri Pulau Pinang

### **RM501 JUTA UNTUK PROJEK BEKALAN AIR DI PULAU PINANG BAGI 3 TAHUN**

- **Saluran Paip Berkembar Dasar Laut Butterworth-Pulau Pinang**
- **Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS)**
- **Menaik taraf Kemudahan Rawatan Air Sedia Ada**
- **Projek-projek Saluran Paip Baru dan Penggantian Saluran Paip**
- **Pengurusan NRW**

PULAU PINANG, Isnin, 14.1.2019: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) merancang melabur RM501 juta dalam projek bekalan air bagi Pulau Pinang dalam tempoh 2019-2021.

Pelaburan RM501 juta ini diperlukan untuk membiayai projek-projek bekalan air berikut yang perlu dilaksanakan:

Projek-projek utama		Faedah
1	Saluran Paip Berkembar Dasar Laut 1200mm Butterworth-Pulau Pinang (Saluran Dasar Laut ketiga)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada catuan air di bahagian pulau.</li> <li>• Pengagihan air terawat yang lebih efisien dari Loji Rawatan Air Sungai Dua di Seberang Prai.</li> <li>• Memberi sokongan kepada saluran dasar laut pertama yang ditauliahkan pada tahun 1973.</li> <li>• Untuk memenuhi permintaan air masa depan bagi bahagian pulau.</li> </ul>
2	Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber air mentah baru kedua bagi Negeri Pulau Pinang.</li> <li>• Mengurangkan risiko terlalu bergantung pada Sungai Muda, sumber yang dikongsi dengan Kedah.</li> <li>• Kecukupan dan jaminan air mentah sehingga tahun 2050.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada catuan air pada masa hadapan.</li> </ul>
--	---

Projek-projek utama	Faedah
3 Menaik taraf Loji Rawatan Air , Kolam air dan Rumah Pam sedia ada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada catuan air.</li> <li>• Mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik dan berterusan di Pulau Pinang menjelang 2030.</li> <li>• Mengoptimumkan jangka hayat infrastruktur sedia ada.</li> <li>• Meminimumkan keperluan infrastruktur baru yang mahal.</li> </ul>
4 Saluran paip baru / Penggantian saluran paip	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekalkan lebih air ke kawasan pertumbuhan baharu.</li> <li>• Menambah baik pengagihan air ke kawasan yang sedia ada.</li> <li>• Mengurangkan insiden paip pecah.</li> <li>• Meminimumkan peratus air tanpa hasil (NRW).</li> </ul>
5 Pengurusan Air Tanpa Hasil (NRW)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurangkan kehilangan air terawat.</li> <li>• Menambah baik kecekapan pengagihan air seluruh Negeri Pulau Pinang, terutama ketika musim kemarau.</li> </ul>

### **Sentiasa Mendahului Permintaan Air**

Di Pulau Pinang, PBAPP sentiasa berusaha untuk terus mendahului permintaan air di Pulau Pinang. Kami tidak merancang untuk melaksanakan catuan air. Kami merancang untuk mengelakkan catuan air.

Dalam tempoh 2014 - 2017 (ketika Kerajaan Persekutuan BN berkuasa), kekurangan air dilaporkan di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Johor, Kedah, Negeri Sembilan dan Perak.

Di Pulau Pinang, tiada insiden catuan air sejak PBAPP dikorporatkan pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, kita perlu sentiasa berfikir tentang masa depan.

## **Tarif Baru Perlu untuk Biayai Projek-projek untuk Masa Depan**

Pada tahun 2017, purata permintaan Air Pulau Pinang adalah 826 juta liter sehari (MLD).

Menjelang 2050, permintaan air di Pulau Pinang diunjur meningkat 128% pada 1,884 MLD. Ini berdasarkan “Kajian Pelan Induk bagi Air Minum di Pulau Pinang menjelang 2050” yang ditauliahkan pada tahun 2009.

Sehubungan itu, PBAPP merancang melabur RM501 juta dalam projek bekalan air untuk manfaat Pulau Pinang dalam tempoh 2019 - 2021.

PBA Holdings Bhd (syarikat senaraian awam yang memiliki PBAPP) melaporkan keuntungan selepas cukai (PAT) berjumlah hanya RM137 juta untuk tempoh tiga tahun 2015-2017.

PBAPP perlu meningkatkan dana yang mencukupi untuk merealisasikan projek kejuruteraan bekalan air Pulau Pinang untuk masa depan. Tanpa projek-projek ini, Pulau Pinang menghadapi risiko krisis air yang lebih tinggi ketika musim kemarau berlanjutan yang berbeza pada setiap tahun.

Biar saya jelaskan:

PBAPP memohon semakan tarif air di Pulau Pinang hanya untuk membiayai projek kejuruteraan bekalan air yang penting untuk masa depan.

Sekiranya semakan tarif diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, semua hasil tambahan dari kajian tarif air akan dilaburkan semula ke dalam projek-projek di Pulau Pinang... untuk kepentingan rakyat.

Terima kasih.